

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB TUAN ANUAR BIN ABD MANAP

TARIKH:

SOALAN:

**Tuan Anuar bin Abd Manap [ Sekijang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah proaktif yang diambil Kementerian bagi membantu pekerja-pekerja terutamanya dalam bidang minyak dan gas yang diberhentikan akibat daripada kejatuhan harga minyak dunia.

PR-1342-T74096

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua

1. Harga minyak mentah mula menunjukkan kejatuhan pada pertengahan Jun 2014, daripada USD115 setong dan sekarang diniagakan pada sekitar USD 35 setong. Keadaan ini menyebabkan

syarikat mengambil langkah melakukan penstrukturan semula tenaga kerja dan penjualan anak syarikat yang tidak menghasilkan keuntungan. Tindakan berkenaan telah menyebabkan pemberhentian dan pengurangan jumlah pekerja.

2. Bagi mana-mana majikan yang bercadang untuk menjalankan tindakan penamatan kerja atau VSS dikehendaki melaporkan kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) yang terdekat sekurang-kurangnya 30 hari sebelum mana-mana tindakan pemberhentian pekerja dilaksanakan dengan menggunakan Borang Pemberhentian Kerja (PK). Pemberhentian yang telah dilaksanakan samada Pemberhentian Biasa(*retrenchment*) atau Pemberhentian Secara Sukarela (VSS). Antara lain tujuan Borang PK seperti berikut;

- i) memastikan hak-hak pekerja dibayar mengikut undang-undang;
- ii) memastikan majikan mengikuti Garis Panduan Pemberhentian Pekerja yang dikeluarkan oleh JTKSM dalam melaksanakan pemberhentian pekerja; dan
- iii) Membantu penempatan semula pekerja-pekerja yang telah diberhentikan berdaftar dengan portal JobsMalaysia atau meningkatkan kemahiran baru melalui jabatan dan agensi di bawah kementerian.

3. Berdasarkan statistik pekerja yang diberhentikan di sektor industri minyak dan gas pada tahun 2015 iaitu seramai 1,632 orang,

seramai 1,469 orang secara pemberhentian biasa dan seramai 163 orang pemberhentian secara sukarela(VSS). Bilangan ini meningkat 313% berbanding jumlah pekerja yang diberhentikan pada tahun 2014 iaitu seramai 521 orang, Manakala pada Januari 2016 hingga Mac 2016 seramai 241 orang telah diberhentikan iaitu seramai 80 orang pemberhentian tetap dan seramai 161 orang pemberhentian secara sukarela (VSS).

4. Kementerian telah mengambil tindakan yang drastik berhubung isu pemberhentian pekerja dengan menubuhkan Pusat Operasi Pemantauan Pemberhentian Pekerja Peringkat Nasional (POPPK), Pusat operasi bertempat Ibu Pejabat JTKSM, KSM. Pusat operasi di peringkat negeri juga telah ditubuhkan bagi menjalankan pemantauan secara rapi dan proaktif bagi memastikan hak-hak pekerja terjamin dan kebajikan tidak diabaikan.

5. JTK juga selaku Pengerusi Jawatankuasa POPPK peringkat nasional dan di peringkat negeri mengadakan mesyuarat setiap bulan dengan agensi-agensi berkaitan seperti Setiausaha Kerajaan Negeri, Unit Perancang Ekonomi (EPU), *Malaysian Industrial Development Authority (MIDA)*, *Malaysian Employers Federation (MEF)* dan *Malaysian Trade Union Congress (MTUC)* untuk mendapatkan input dan maklumat awal berhubung cadangan penutupan sesebuah syarikat. Selain itu, Jawatankuasa ini juga turut berperanan untuk menempatkan pekerja-pekerja yang diberhentikan melalui penglibatan pihak Kesatuan Majikan yang turut menjadi Ahli Jawatankuasa.

6. Kementerian telah menubuhkan *rescue team* yang diwakili oleh Jabatan dan agensi di bawah kementerian bagi menangani isu-isu penempatan perkerja-pekerja ke industri yang bersesuaian serta menyelaraskan latihan-latihan kemahiran baru mengikut keperluan majikan yang menawarkan kekosongan jawatan melalui JobsMalaysia Centre (JMC).

7. KSM juga sentiasa menjalankan pemantauan secara terperinci terhadap syarikat-syarikat yang terlibat agar mematuhi peruntukan undang-undang dari segi pembayaran faedah penamatan kerja, notis penamatan dan lain-lain faedah kewangan Majikan yang bercadang untuk menjalankan pemberhentian pekerja diwajibkan memberikan tempoh notis yang mencukupi kepada pekerja mereka mengikut kontrak perkhidmatan tetapi tidak boleh kurang daripada yang ditetapkan di bawah Seksyen 12 (2), Akta 265 serta diwajibkan membayar faedah pemberhentian kerja mengikut kontrak perkhidmatan tetapi tidak boleh kurang daripada kadar yang telah ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Kerja (Faedah-faedah Penamatan dan Rentikerja Sentara) 1980. Kegagalan majikan untuk mematuhi peruntukan undang-undang yang ada melakukan satu kesalahan atau melanggar peruntukkan akta, apabila disabitkan, denda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap kesalahan.